



**TEKS UCAPAN**  
**YB TAN SRI DATO' MOHAMAD ARIFF BIN MD YUSOF**  
**YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

**MAJLIS PERASMIAN TASKA PARLIMEN MALAYSIA**

**JUMAAT, 7 FEBRUARI 2020 @ 10.00 PAGI**  
**LOT JKR 2929 KUALA LUMPUR**

---

Bismillahirrahmanirrahim.  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

(SALUTASI)

Yang Berusaha Saudari Pengerusi Majlis;

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail**

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;

**Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abdul Halim Abd. Samad**

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara;

**Yang Berhormat Datuk Hj. Mohd. Rashid Hasnon**

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat;

**Yang Berhormat Tuan Mohamed Hanipa Maidin**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang); dan isteri

**YBhg. Ir. Kamaluddin Bin Haji Abdul Rashid**

Ketua Pengarah Kerja Raya;

**YBhg. Datuk Kamis Samin**

Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia;

**YBhg. Datuk Roosme Hamzah**

Setiausaha Dewan Rakyat;

Setiausaha–setiausaha Bahagian dan Pegawai–pegawai Kanan Parlimen Malaysia;

Dif-dif Kehormat, Para Ibu Bapa, Wakil Media Massa, Tuan-tuan dan Puan-puan serta para hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya jua, dapatlah kita bersama-sama dalam **Majlis Perasmian Taska Parlimen Malaysia.**

2. Bagi pihak Parlimen Malaysia, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana sudi meluangkan masa bersama kami dan seterusnya menyempurnakan majlis penuh barakah pada pagi ini.

3. Sesungguhnya, majlis hari ini adalah satu lagi peristiwa yang amat membanggakan dalam catatan sejarah Parlimen Malaysia dan yang lebih penting lagi adalah kewujudan Taska Parlimen Malaysia ini akan melonjakkan lagi Parlimen Malaysia setaraf dengan parlimen-parlimen di seluruh dunia yang turut menyediakan fasiliti seumpama ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

4. Parlimen Malaysia boleh berbangga untuk mengatakan bahawa Parlimen ini mesra keluarga dan menggalakkan keseimbangan kehidupan-kerja (*work-life balance*) khususnya buat kakitangan dan pihak yang berurusan di Parlimen. Adalah munasabah untuk Parlimen Malaysia menjadi lebih terbuka selaras dengan visinya untuk menjadi sebuah institusi perundangan yang bebas, berwibawa dan bertaraf dunia. Dan

5. Penubuhan Taska Parlimen Malaysia dan seterusnya mula beroperasi pada tahun ini merupakan suatu keberhasilan pelan tindakan yang digariskan dalam Pelan Strategik Parlimen Malaysia Tahun 2019-2023. Menerusi Teras Strategik 3: Kelestarian Kemudahan Infrastruktur Fizikal, kejayaan menyiapkan Taska Parlimen ini telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu untuk mendapat kelulusan projek dan reka bentuk menjelang tahun 2021. Namun pada hari ini, kita melihat sendiri Taska Parlimen Malaysia telah mula beroperasi. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua!

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

6. Saya masih ingat lagi perbincangan yang telah saya adakan bersama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 18 November 2018 berhubung cadangan penubuhan Taska Parlimen Malaysia. Antara perkara yang kita tekankan adalah keperluan penubuhan taska di Parlimen bagi memudahkan urusan Ahli Parlimen, kakitangan kerajaan serta para wartawan yang bertugas di Parlimen. Saya percaya kejayaan kita menubuhkan Taska Parlimen Malaysia ini sedikit sebanyak dibantu dengan komitmen yang tinggi khususnya daripada pihak Kementerian.

7. Mewakili Parlimen Malaysia, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian yang telah menyalurkan geran penubuhan taska di tempat kerja sektor awam melalui Bajet 2019 kepada penubuhan Taska Parlimen Malaysia. Sebagai salah satu daripada 50 buah taska di premis kerajaan yang berjaya menerima geran ini, saya merakamkan setinggi penghargaan kepada warga Parlimen yang efisien, bukan sahaja dalam mendapatkan geran ini tetapi yang lebih penting lagi memastikan ia digunakan dengan cekap dan akhirnya kepada pengoperasian taska ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

8. Keperluan terhadap sebuah taska di Parlimen Malaysia tidak lagi boleh diketepikan dengan jumlah kakitangan Parlimen terkini adalah seramai 323 orang dan 43 peratus daripadanya adalah dalam kalangan wanita. Ini diperkuatkan lagi dengan rekod kelahiran baharu oleh warga Parlimen seramai 50 orang bagi tempoh 2018 dan 2019, iaitu 25 orang kelahiran setiap tahun. Selain itu, keperluan tugas di Parlimen yang semakin tinggi sama ada yang membabitkan Ahli Parlimen, kakitangan Parlimen, atau pihak-pihak yang berurusan di Parlimen seperti pengamal media, kakitangan Kementerian dan lain-lain turut menyumbang kepada keperluan terhadap penubuhan taska ini.

9. Fasiliti penjagaan anak yang berhampiran dengan tempat kerja memberi banyak kelebihan kepada kakitangan sesebuah organisasi. Dapatan daripada pelbagai kajian menunjukkan antara faktor yang mempengaruhi kadar penyertaan tenaga buruh wanita adalah urusan penjagaan keluarga khususnya yang melibatkan anak kecil. Kecenderungan untuk bekerja adalah lebih rendah bagi wanita yang mempunyai anak berumur bawah 6 tahun berbanding wanita yang tiada anak berumur bawah 6 tahun. Kajian Penduduk dan Keluarga Kelima tahun 2014 yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) turut mendapati 1 daripada 5 wanita bekerja iaitu 18.7 peratus mengalami masalah untuk mengimbangi peranan mereka di antara kerjaya dan keluarga. Faktor masa bersama keluarga, penjagaan anak serta kurang masa untuk diri sendiri mempengaruhi penyertaan golongan wanita dalam tenaga buruh.

10. Sehubungan itu, adalah penting bagi kadar penyertaan tenaga buruh wanita dikekalkan bahkan ditingkatkan dengan penyediaan suasana yang kondusif untuk wanita bekerja. Faktor-faktor yang menghalang hasrat wanita untuk bekerja seperti kebimbangan golongan wanita terhadap aspek penjagaan anak mereka boleh disingkirkan melalui kemudahan taska di tempat kerja. Inisiatif ini turut mencerminkan hasrat ke arah menjadikan Parlimen sensitif gender selari dengan Pelan Tindakan Inter-Parliamentary Union (IPU) untuk Parlimen Sensitif Gender. Parlimen perlu peka terhadap keperluan lelaki dan wanita dalam struktur, operasi, dan pendekatan yang diambil serta tidak mempunyai halangan sama ada bersifat substantif, struktur atau budaya terutamanya terhadap penyertaan penuh golongan wanita.

11. Saya berharap taska ini akan beroperasi dengan lancar dan terus mendapat sokongan daripada ibu bapa dan Parlimen Malaysia khususnya. Dengan jadual aktiviti yang padat dan pelbagai dari awal pagi sehingga sebelum dijemput pulang oleh ibu bapa, saya percaya anak-anak Taska ini akan menerima nilai tambah yang bermakna sepanjang dijaga di Taska Parlimen Malaysia. Saya percaya ibu bapa boleh melepaskan anak-anak mereka di Taska ini dengan hati yang tenang.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

12. Akhirnya, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada YBhg. Datuk Kamis Samin, Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia dan seluruh ahli Jawatankuasa Taska Parlimen Malaysia yang telah bekerja keras untuk menyiapkan Taska ini dalam tempoh yang singkat iaitu bermula dari tarikh pelantikan jawatankuasa ini pada Jun 2019 sehingga Taska ini dapat beroperasi pada awal tahun ini.

13. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada agensi-agensi berkenaan yang terlibat dan telah memberikan kerjasama penuh bagi menjayakan majlis pada pagi ini iaitu:

- a. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- b. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;
- c. Jabatan Kerja Raya Malaysia;
- d. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia;
- e. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Malaysia;
- f. Jabatan Penerangan Malaysia;
- g. Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- h. Polis Diraja Malaysia;
- i. Tenaga Nasional Berhad Kuala Lumpur; dan
- j. Alam Flora Sdn. Bhd.

Seterusnya serangkap pantun untuk Tetamu Kehormat kita pagi ini:

*Daun semulur di pekan sari,  
Batang jerami rebah ke bumi,  
Kepada YAB Dato' Seri pohon diberi,  
Mohon rasmikan majlis kami.*

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.